

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.10.2014

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kenyataan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bahawa hutang negara sudah melebihi paras siling 55 peratus baru-baru ini, benar dan berapakah sebenarnya jumlah hutang negara serta apakah usaha Kerajaan bagi mengurangkan hutang negara.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2014 adalah sebanyak RM568.9 bilion atau 52.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 97.1% atau RM552.7 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.2 billion atau 2.9% merupakan pinjaman luar persisir. Kedudukan hutang Kerajaan ini kekal terurus dibawah 55% daripada KDNK dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus dilaksanakan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dan mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta berupaya melindungi ekonomi negara dari sebarang krisis.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

3. Bagi mengurangkan paras hutang, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut :

i. Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan.

ii. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;

iii. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan

dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran.

- iv. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan
- v. Kerajaan komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.